

22 APR 2003

Mahathir-AWSJ/I

AWSJ DIKECAM KERANA KESILAPAN GAMBAR DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 22 April (Bernama) -- Pejabat Perdana Menteri hari ini berkata ia kecewa dengan Asian Wall Street Journal kerana mengetepikan ciri-ciri ketepatan setelah salah menyiarkan gambar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam edisinya semalam.

"Pejabat ini terima penjelasan AWSJ. Namun, kami berpendapat wajar bagi kami untuk menyatakan rasa tidak senang kami," kata Datuk Badariah Arshad, ketua setiausaha sulit Dr Mahathir, dalam sepucuk surat kepada pengarang serantau AWSJ, Reginald Chua, di Hong Kong.

AWSJ hari ini membuat pembetulan berhubung kesilapan gambar itu yang disiarkan bersama satu rencana mengenai keputusan mahkamah mengekalkan pensabitan kesalahan dan hukuman terhadap Datuk Seri Anwar Ibrahim berhubung kes liwat.

Badariah berkata kesilapan itu tidak seharusnya dilakukan oleh AWSJ yang mendakwa ia adalah satu daripada penerbitan serantau yang utama di Asia.

Katanya kegagalan memberi tumpuan kepada butiran tidak seharusnya berlaku, lebih-lebih lagi kerana ini bukan pertama kali kesilapan yang begitu ketara dibuat mengenai Malaysia.

"Anda pasti ingat bahawa tidak sampai enam bulan lepas, anda telah menyiarkan gambar bendera Malaysia bagi mengiringi satu berita mengenai Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri.

"Walaupun pejabat ini ingin mempercayai anda mungkin tidak sengaja, namun adalah tidak menyenangkan melihat AWSJ terus melakukan kesilapan yang ketara seperti ini apabila melibatkan laporan mengenai Malaysia," kata Badariah.

Pejabat Perdana Menteri berharap AWSJ tidak mempunyai sebarang niat buruk, katanya.

Sambil menjelaskan bahawa elemen ketepatan merupakan asas utama kepada bidangewartawanan, Badariah berkata Pejabat Perdana Menteri berharap prinsip ini akan terus dipegang oleh AWSJ.

Dalam pembetulannya, AWSJ berkata kesilapan itu tidak disengajakan dan ia tidak berniat mengaitkan sesiapa pun di Malaysia.

Gambar yang disiarkan oleh AWSJ adalah seorang lelaki berjanggut yang tidak mempunyai banyak rambut dan bukannya Dr Mahathir yang berkaca mata dan tidak mempunyai janggut.

Walaupun tertulis nama Mahathir Mohamad, gambar itu langsung tidak menyerupai beliau.

-- BERNAMA
MAM AHH MAI